

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN  
(ROMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.11.2017**

**Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki imbalan bayaran Negara (balance of payment).

**JAWAPAN**

Meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang tidak menentu, sektor luar negeri Malaysia kekal kukuh dengan prestasi perdagangan luar kekal stabil berikutan kepelbagaian rakan perdagangan dan produk eksport. Kedudukan lebihan akaun semasa dalam imbalan dagangan negara (BOP) kekal tinggi sebanyak RM27.4 bilion pada Januari - September 2017 berbanding dengan RM16.6 bilion pada Januari - September 2016.

2. Kerajaan sentiasa memantau secara berterusan kedudukan BOP negara bagi memastikan akaun semasa dalam BOP kekal mencatat lebihan. Di bawah strategi menyeluruh *Economic Transformation Programme* (ETP), Rancangan Malaysia Ke-11, *Blueprint* Sektor Perkhidmatan, Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan, dan penubuhan Majlis Eksport Negara, beberapa langkah telah dan sedang dilaksanakan. Langkah-langkah ini termasuk meningkatkan kecekapan pentadbiran bagi fasilitasi perdagangan; membantu pelaburan swasta dalam infrastruktur; melonggarkan peraturan visa bagi pelancong asing di samping menggalakkan aktiviti pelancongan domestik yang dapat membantu meningkatkan perbelanjaan dalam negeri. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan insentif cukai kepada semua syarikat untuk terus meningkatkan eksport produk-produk yang dikilangkan di Malaysia dan juga menggalakkan eksport perkhidmatan profesional tempatan seperti guaman, perakaunan, arkitek, jagaan kesihatan swasta, pendidikan swasta, perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan perkhidmatan kejuruteraan. Langkah-langkah ini telah dapat memperkukuh dan memperbaiki BOP negara.

3. Selain itu, Kerajaan melalui Bajet 2018 juga telah mengumumkan strategi meningkatkan eksport dan mempergiat industri pelancongan yang seterusnya akan dapat mengukuhkan kedudukan BOP negara.

Antara strategi utama berkenaan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan kredit perlindungan insurans pengeksport sebanyak RM1 bilion disediakan oleh EXIM Bank;
- ii. Kemudahan kredit pembiayaan kepada pengeksport PKS sebanyak RM200 juta;
- iii. Memperuntukkan RM2 bilion kepada Tabung Pelancongan PKS sebagai pinjaman kepada pengusaha pelancongan dengan memberi insentif subsidi kadar faedah 2%;
- iv. Menambah RM1 bilion kepada Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan sebagai pinjaman mudah; dan
- v. Menyediakan RM500 juta bagi program pembangunan dan promosi pelancongan melalui kemudahan infrastruktur pelancongan, homestay dan program eko-pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, kedudukan BOP negara kekal kukuh. Keadaan ini adalah berikutan struktur eksport negara kita yang lebih pelbagai dari segi destinasi dan produk serta disokong oleh peningkatan daya tahan serta asas ekonomi yang kukuh.